

SOALAN LAZIM (FAQ'S)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
W.P KUALA LUMPUR, W.P PUTRAJAYA DAN
SELANGOR
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI

(Dikemaskini pada 14.10.2020)

BIL.	PERKARA
1.	Adakah syarikat Kredit Komuniti (KK) dan Pajak Gadai (PPG) perlu mendapatkan surat pengesahan kebenaran menjalankan operasi perniagaan daripada KPKT sepanjang tempoh PKPB ini?
	<u>Tidak.</u> Syarikat KK dan PPG tidak perlu mendapatkan surat pengesahan pengoperasian daripada KPKT kerana semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan.
2.	Adakah syarikat KK/PPG boleh mengarahkan staf mereka untuk hadir bertugas dengan mengeluarkan surat arahan bertugas/ bekerja kepada mereka yang tinggal di kawasan zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?
	<u>Tidak.</u> Syarikat KK/PPG tidak boleh mengarahkan staf mereka yang tinggal di kawasan zon PKPD untuk hadir bertugas. Surat arahan bertugas/bekerja hanya diperlukan bagi staf yang tinggal di daerah yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sahaja.
3.	Adakah pemajak dari daerah lain dibenarkan untuk pergi ke kedai pajak yang berada di dalam kawasan PKPB bagi tujuan menebus barang sandaran/melanjutkan tempoh pajakan?
	<u>Boleh.</u> Pergerakan yang perlu melalui/ ke daerah/ negeri yang terlibat dengan PKPB (Negeri Selangor, W. P. Kuala Lumpur dan W. P. Putrajaya) dan dari daerah/ negeri yang terlibat dengan PKPB ke negeri-negeri lain adalah <u>dibenarkan</u> dan perlu <u>mendapatkan kebenaran daripada balai polis berhampiran</u> sebelum membuat perjalanan. Manakala pergerakan ke kawasan PKPD adalah berdasarkan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
4.	Apakah tempoh waktu pengoperasian syarikat KK dan PPG disepanjang PKPB ini?
	Waktu pengoperasian syarikat KK dan PPG adalah dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.
5.	Adakah urusan pelesenan KK dan PPG yang melibatkan kaunter setempat di Aras 1, KPKT dibuka?

	<u>Ya.</u> Kaunter setempat KPKT di Aras 1 <u>beroperasi seperti biasa</u> iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.
6.	Adakah urusan permohonan pelesenan boleh dibuat dalam tempoh PKPB ini?
	<u>Ya.</u> Semua urusan permohonan lesen KK/PPG boleh dibuat secara manual melalui serahan di kaunter Aras 1, KPKT /secara pos berdaftar/ atau emelkan kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my.
7.	Bagaimana syarikat KK/PPG boleh menyemak status semua urusan permohonan lesen yang telah dihantar kepada KPKT?
	Semakan status permohonan/ maklumat lanjut berhubung urusan permohonan lesen KK dan PPG boleh dibuat dengan menghubungi pegawai di Cawangan Pelesenan, BKKK di talian 03-8891 3285/ 4694/ 4693/ 4703 atau emelkan kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my.
8.	Adakah sesi lelongan pajak gadai dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini?
	<u>Ya.</u> Sesi lelongan pajak gadai <u>dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.</u>
9.	Bagaimanakah syarikat KK boleh mendapatkan format baharu papan tanda iklan?
	Format papan tanda iklan baharu KK boleh didapati di laman sesawang KPKT seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Layari http://www.kpkt.gov.my/ • → <i>HEBAHAN</i> • → <i>PAPAN IKLAN KREDIT KOMUNITI</i> • → <i>[KLIK UNTUK MUAT TURUN]</i> • → <i>save di desktop / etc</i> • → <i>cari AI File</i>
10.	Bagaimanakah orang awam boleh menyemak sama ada syarikat KK yang mengiklankan urusan pinjaman wang di internet adalah berlesen dengan KPKT atau tidak?
	Semakan bagi syarikat KK (pemberi pinjam wang yang berlesen)/ didaftarkan di bawah KPKT boleh dibuat melalui <u>aplikasi i-KrediKom</u>. Namun, sekiranya terdapat keraguan berhubung iklan yang dipaparkan, orang awam dinasihatkan untuk terus menghubungi BKKK, KPKT di talian 03-8891 4667.
MAKLUMAT/ INFORMASI TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN SEMASA MENERIMA ADUAN BERHUBUNG KK/ PPG OLEH PETUGAS HOTLINE	
11.	Apakah maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berkaitan KK/ PPG kepada petugas hotline?

Antara maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berhubung KK/ PPG kepada petugas hotline adalah seperti berikut:

Nama pengadu:

No. Tel :

Daerah/ Negeri :

No. Aduan (sekiranya telah membuat aduan sebelum ini) :

Tarikh Aduan:

Nama syarikat KK/PPG: